

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR BERDAFTAR PKNS
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-009
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-009 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	1

1.0 PUNCA KUASA

- 1.1 Bagi tujuan pematuhan terhadap prosedur operasi yang dibangunkan, prosedur ini perlu dibaca bersama Buku Peraturan Perakaunan dan Kewangan PKNS.
- 1.2 Mana-mana polisi dan tatacara yang dinyatakan di dalam Buku Peraturan Perkaunan dan Kewangan PKNS tersebut dianggap terpakai dan perlu dirujuk di dalam membuat keputusan dan mengurus operasi kerja yang berkenaan.
- 1.3 Arahan Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)
- 1.4 Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan Negeri Selangor
- 1.5 Dokumen Tadbir Urus Korporat PKNS

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR BERDAFTAR PKNS
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-009
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-009 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	2

2.0 POLISI BERKAITAN DENGAN PROSES KERJA INI

2.1 Proses Pra Kelayakan bagi Senarai Kontraktor Berdaftar PKNS hendaklah dibuat dua (2) tahun sekali dan terbuka kepada kontraktor bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

2.2 Polisi Penilaian

Proses analisa perlu mengambil kira perkara-perkara seperti senarai dibawah;

- i) Kelayakan Teknikal / Pentadbiran
 - Jenis Syarikat
 - Bilangan Tahun Beroperasi
 - Kekuatan Anggota Teknikal Serta Profesional
 - Keupayaan Sumber Mesin & Jentera
 - Pengalaman QCLASSIC/CONQUAS
 - Keperluan Pematuhan ISO / Pematuhan Undang-Undang Pembinaan, Alam Sekitar Dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan)
 - Sijil Penarafan Bintang ('Score Rating') Oleh CIDB
- ii) Keupayaan Kewangan
 - Modal Berbayar
 - Kedudukan Akaun Imbangan Syarikat
 - Penyata Bulanan Bank (Purata 3 Bulan)
 - Baki Wang Terakhir Dari Penyata Bulanan Bank
 - Lain-Lain Sumber Aset Cair (Saham / Bon2 Perbendaharaan / Deposit Tetap)
 - Lain-lain Kemudahan Kredit Bank & Pembekal
- iii) Pengalaman Kerja
 - Pengalaman Dalam Kerja Sebanding (Nilai Bagi 5 Tahun Terakhir)
 - Prestasi Kerja (Bagi Pengalaman Sebanding)
 - Pengalaman Dalam Skop Kerja Lain-Lain (Nilai Bagi 5 Tahun Terakhir)
 - Beban Kerja Semasa
 - Pengalaman kerja bersama PKNS serta prestasi kerja semasa berdasarkan laporan Prestasi Kontraktor oleh Pegawai penguasa yang berkaitan

2.3 Petender / syarikat hendaklah mencapai sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) markah wajaran bagi melayakkan petender / syarikat layak disenaraipendek.

2.4 PKNS hendaklah memastikan bahawa kontraktor yang mengambil bahagian dalam perolehan PKNS adalah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, Pusat Khidmat Kontraktor (jika perlu) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia di bawah kelas atau kod bidang, kepala dan sub-kepala yang bertepatan dengan perolehan yang dibuat dan tempoh pendaftaran tersebut sentiasa sah (valid). Klausu berkenaan perkara ini hendaklah dimasukkan ke dalam Dokumen Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS.

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR BERDAFTAR PKNS
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-009
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-009 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	3

3.0 PERATURAN DAN PROSES KERJA

- 3.1 Bahagian Perolehan akan menyediakan notis iklan dan akan dihantar ke Bahagian Komunikasi Korporat untuk proses pengiklanan.
- 3.2 Panggilan Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS akan dibuat secara terbuka melalui iklan akhbar harian utama Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris dan Selangor Kini (Sekiranya Perlu), papan notis di semua pejabat PKNS serta laman sesawang PKNS dan laman sesawang tender kerajaan Negeri Selangor.
Rujuk Lampiran 1 - Contoh Iklan Pra-Kelayakan Panel Kontraktor PKNS.
- 3.3 Dokumen Meja Tawaran (Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS) akan dipamerkan di kaunter Bahagian Perolehan dan seterusnya proses jualan Dokumen Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS akan dilaksanakan.
- 3.4 Peti tender akan disediakan oleh Bahagian Perolehan. Petender akan mengemukakan Dokumen Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS beserta dokumen sokongan yang diperlukan seperti yang tercatat di dalam Dokumen Pra-Kelayakan. Kesemua dokumen lengkap yang disediakan oleh petender, akan dimasukkan ke dalam peti tender dan akan ditutup dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- 3.5 Dokumen Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS beserta dokumen sokongan yang disediakan oleh petender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dengan di bahagian hadapan sampul surat diletakkan tajuk projek yang lengkap beserta nombor kontrak (Sekiranya ada).
- 3.6 Bahagian Perolehan memohon kepada Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan untuk melantik Jawatankuasa Pembuka Peti Tender. Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan akan mengeluarkan Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Pembuka Peti Tender.
- 3.7 Jawatankuasa Pembuka Peti Tender menjalankan tanggungjawab berdasarkan polisi yang telah *Rujuk item 4.1.2 untuk Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Pembuka Peti Tender.*
- 3.8 Ahli Jawatankuasa Pembuka Peti Tender akan mengisi Borang Buka Peti Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS dan setiap Ahli Jawatankuasa Pembuka Peti Tender yang dilantik akan menandatangani borang tersebut.
Rujuk Lampiran 2 - Borang Buka Peti (Pra-Kelayakan Tender)
- 3.9 Selepas proses membuka peti tender selesai, Bahagian Perolehan akan membuat analisa Pra-Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS dan seterusnya menyediakan Laporan Penilaian Teknikal. Proses Analisa Pra-Kelayakan akan mengambil kira beberapa elemen penting seperti di Item 2.2.
- 3.10 Bagi syarikat kontraktor yang belum pernah mempunyai pengalaman kerja bersama PKNS, Bahagian Perolehan bersama-sama perunding yang dilantik (Bagi Projek Yang Berkaitan) akan membuat lawatan ke Pejabat syarikat kontraktor seperti yang didaftarkan. (Bagi syarikat kontraktor yang telah mencapai sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) markah wajar). Ianya bertujuan bagi memastikan pejabat syarikat kontraktor benar-benar wujud dan beroperasi serta memiliki pekerja seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen Sokongan Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS.

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR BERDAFTAR PKNS
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-009
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-009 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	4

3.0 PERATURAN DAN PROSES KERJA (Samb.)

- 3.11 Mesyuarat Penilaian Teknikal Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS akan bersidang bagi menyenaraipendek petender yang layak.
- 3.12 Syarikat Kontraktor yang telah layak, akan disenaraikan di dalam Senarai Kontraktor Berdaftar PKNS dan akan di pelawa menyertai Tender Terhadap PKNS.
- 3.13 Rujuk SOP-PER-012 - Prosedur Tender terhad untuk proses seterusnya.
- 3.14 Bahagian Perolehan akan mengemukakan satu salinan Senarai Kontraktor Berdaftar PKNS ke Unit Pembangunan PKNS untuk makluman.
- 3.15 Sekiranya, Unit Pembangunan ingin mengemukakan nama syarikat kontraktor yang baru, proses analisa dan pelantikan akan di buat oleh Bahagian Perolehan berdasarkan SOPP yang telah di tetapkan ini.

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR BERDAFTAR PKNS
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-009
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-009 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	5

4.0 TANGGUNGJAWAB

4.1 Jawatankuasa Pembuka Peti

4.1.1 Keahlian :-

- a. Jawatankuasa Pembuka Peti Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya oleh tiga (3) orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf yang terdiri daripada:
 - i. Wakil Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat)
 - ii. Wakil Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)
 - iii. Wakil Ketua Pegawai Kewangan
- b. Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Peti Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS hendaklah dibuat secara bertulis / email oleh Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

4.1.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Pembuka Peti Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS:

- a. Membuka peti secepat mungkin selepas ianya ditutup;
- b. Setiap dokumen Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS yang diterima, dibuka dan disemak nombor siri dengan rekod penjualan dokumen;
- c. Nombor kod hendaklah diberi untuk setiap Dokumen Pra Kelayakan dan dokumen sokongan petender yang dikemukakan serta ditandatangani ringkas pada muka hadapan setiap dokumen;
- d. Menyedia dan melengkapkan senarai semakan dan borang jadual Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS dengan mencatatkan nama petender dan kod petender. Nama dan jawatan semua ahli Pembuka Peti Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS hendaklah dicatatkan dalam Borang Jadual Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS dan ditandatangani oleh setiap ahli.

NAMA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEROLEHAN
TAJUK SOP	PROSEDUR PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR BERDAFTAR PKNS
NO RUJUKAN SOPP	SOP-PER-009
NO PINDAAN SOPP	SOP-PER-009 (PINDAAN 1 - 2024)
TARIKH DIKELUARKAN	
MUKA SURAT	6

4.0 TANGGUNGJAWAB (Samb.)

4.2 Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS.

4.2.1 Keahlian - Ahli-Ahli yang terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf yang terdiri daripada :-

a. **Pengerusi Mesyuarat**

i. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

b. **Ahli Jawatankuasa/Wakil**

ii. Ketua Pegawai Kewangan / Pengurus Besar Kewangan / Ketua Akauntan / Akauntan

iii. Pengurus Besar Kanan / Pengurus Besar Pembangunan

iv. Ketua Juruukur Bahan / Juruukur Bahan

c. Sekiranya PKNS TIDAK mempunyai kemahiran dalaman, maka pakar dari Jabatan-Jabatan Teknik / Pakar yang lain boleh digunakan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), MAMPU dan sebagainya.

4.2.2 Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal:

a. Membuat penilaian teknikal secara terperinci bagi memastikan kontraktor yang layak disenaraipendek memenuhi kriteria penilaian teknikal yang ditetapkan.

b. Memastikan analisa yang dibuat adalah sahih seperti yang dikemukakan di dalam Dokumen Pra Kelayakan Kontraktor Berdaftar PKNS.

c. Membuat pengesyoran petender yang layak dipertimbangkan untuk disenaraipendek sebelum dipelawa mengambil Dokumen Tender untuk proses Mengemukakan Tawaran Harga Kontrak.